

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS SEMBAH KENAL KEPADA KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI
PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG
Lokasi : SRI PERDANA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 24-10-1984

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong; Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun sembah patik harap diampun.

Patik dan ahli-ahli BAKTI terlebih dahulu memohon sembah dan junjung kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah Duli Tuanku Permaisuri kerana berkenan berangkat mencemar duli ke Majlis BAKTI ini untuk bertemu dan berkenal mesra dengan patik sekalian dalam BAKTI.

2. Patik juga memohon sembah ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua di atas perlantikan sebagai DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan DYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong yang ke-8. Patik sekalian mengalu-alukan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda berdua ke Kuala Lumpur dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wataala mengurniakan rahmat dan hidayahNya dalam keadaan bahagia dan selamat bersemayam di atas takhta Istana Negara.

3. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong pernah bertitah dengan patik mengenai badan-badan wanita di Kuala Lumpur khususnya, dan berkenan bertemu dan mengetahui kegiatan badan-badan ini. Keinginan Kebawah Duli Tuanku Permaisuri ini amat disanjung tinggi dan dipuji dan BAKTI mengambil peluang yang pertama ini untuk menyembah kenal kepada Kebawah Duli Tuanku Permaisuri dan menerangkan dengan ringkas sejarah dan aktiviti-aktiviti BAKTI.

Ampun Tuanku,

4. Pada tahun 1977, Yang Amat Berbahagia Datin Suhaila Hussein (sekarang Toh Puan Suhaila) sebagai isteri Perdana Menteri telah mengesyorkan penubuhan satu badan untuk isteri-isteri pemimpin negara di Kuala Lumpur dengan tujuan membuat amal bakti kepada rakyat jelata amnya. Sambil mengumpulkan isteri-isteri pemimpin untuk berbakti, isteri-isteri juga dapat kenal-mengenal antara satu dengan yang lain dan menggembeling tenaga untuk pelbagai usaha dan aktiviti. Ahli-ahli BAKTI ketika itu terdiri daripada isteri Menteri-Menteri Kabinet Malaysia, Timbalan-Timbalan Menteri dan isteri-isteri Yang Di-Pertua dan Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang dipilih secara automatik. Oleh kerana itu nama Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri dipilih dengan ringkasannya "BAKTI" bagi memenuhi tujuan utama patik sekalian. Pada 16 Mei 1977 lahirlah BAKTI dengan rasminya sebagai sebuah badan yang berdaftar dan berperlembagaan.

5. Yang Berbahagia Datin Salbiah Rahmat telah menyumbangkan senikata lagu "BAKTI" yang menggambarkan hasrat dan tujuan BAKTI dan Encik Johari Salleh merakamkan lagunya yang disembahkan tadi.

6. Ketika BAKTI berusia 4 tahun iaitu pada tahun 1982, bilangan keahliannya telah bertambah dengan kemasukan secara automatik yang dibuka kepada isteri Setiausaha-Setiausaha Parlimen dalam Kementerian-Kementerian.

7. Oleh kerana persaraan, pemberhentian, kematian pemimpin-pemimpin politik berlaku, isteri-isteri mereka secara automatik tidak lagi menjadi ahli BAKTI. Mengenangkan jasa baik isteri-isteri ini semasa dalam BAKTI dan keinginan kedua-dua belah pihak untuk sentiasa berhubung baik, BAKTI telah membuka peluang kepada bekas ahli-ahli BAKTI dan juga kepada bekas isteri Menteri-Menteri dalam Barisan Nasional sebelum tahun 1977, untuk memohon dengan sukarela menjadi ahli bersekutu BAKTI. Mereka melibatkan diri dalam semua aktiviti BAKTI kecuali hak mengundi atau memegang jawatan dalam Jawatankuasa Tadbir. Sehingga hari ini, keahlian dalam BAKTI berjumlah 84 di mana 32 daripadanya

ialah ahli bersekutu.

8. Penaung BAKTI ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Penasihat-Penasihatnya terdiri daripada Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz dan Yang Berbahagia Cik Noor Faridah Ariffin.

9. Pentadbiran BAKTI dikelolakan oleh Jawatankuasa Tadbir yang dipilih dalam Mesyuarat Agung BAKTI setiap tahun kecuali jawatan Yang Di-Pertua dan Naib Yang Di-Pertua BAKTI adalah dipegang oleh isteri Perdana Menteri dan isteri Timbalan Perdana Menteri secara automatik mengikut perlembagaan. Lapan Jawatankuasa Kecil dilantik untuk menguruskan matlamat ahli-ahli BAKTI sepanjang tahun.

10. BAKTI mempunyai empat matlamat yang utama: - Pertama, mengumpulkan isteri-isteri supaya berkenal mesra dan bersatupadu. Perasaan "esprit d'corp" ini dicapai melalui Jawatankuasa Kecil Kebudayaan dan Jawatankuasa Kecil Sukan di mana isteri-isteri berpeluang bermesra sambil mengetahui kebudayaan Malaysia melalui nyanyian, tarian dan pakaian dan juga semangat berkerja berpasukan melalui permainan badminton, berenang, 'aerobics' dan bolajaring.

- Matlamat kedua ialah menambahkan pengetahuan ahli-ahlinya melalui Jawatankuasa Pendidikan yang mengaturkan lawatan-lawatan sambil belajar, ceramah-ceramah dan kursus-kursus yang berkaitan dengan polisi-polisi Kerajaan, pembangunan negara dan kemajuan diri. Pada akhir bulan ini, ahli-ahli BAKTI akan dimestikan menyertai kursus di INTAN bagi pertama kali selama empat hari mengenai cara-cara mengiringi tetamu-tetamu kenamaan. Jawatankuasa Pelita BAKTI pula memberi ahli-ahlinya peluang mengarang dan menyumbangkan penulisan mereka yang akan mendatangkan faedah bersama.

- Matlamat ke-3 dan yang penting ialah membuat kebajikan kepada golongan-golongan yang memerlukan bantuan. BAKTI memenuhi matlamat ini melalui Jawatankuasa Projek Amalnya yang mengelolakan kutipan derma melalui beberapa cara. Semenjak tahun 1977, BAKTI telah mengelolakan Pesta Ria, Tayangan Perdana, Malam Kebudayaan, Walkathon, Jamuan Makan Malam dan Pertunjukkan Fesyen, dan telah berjaya mengutip wang yang banyak daripada aktiviti-aktiviti tersebut. Pada bulan Ogos yang lalu, Walkathon BAKTI telah dapat mengumpulkan hampir \$1 juta daripada penderma-penderma dan penaja-penaja. Ahli-Ahli BAKTI telah berusaha dengan bersungguh-sungguh dan orang ramai telah memberi sambutan yang amat menggalakkan.

11. Melalui Jawatankuasa Kebajikan dan Jawatankuasa Tabung Malapetaka, kutipan derma ini telah disalurkan dengan teliti kepada mereka yang amat memerlukannya. Boleh dikatakan sumbangan derma yang dikeluarkan oleh BAKTI adalah sama dengan jumlah yang dikutip setiap tahun. BAKTI telah dapat membantu individu-individu yang memerlukan rawatan, alat-alat dan bantuan pelajaran bagi yang cacat dan yang benar-benar miskin, juga membantu kumpulan-kumpulan atau persatuan-persatuan sukarela berkaitan dengan orang-orang cacat dan anak-anak yatim. BAKTI telah banyak menghantar anak-anak kecil ke Manila untuk rawatan pembedahan jantung sebelum Unit Pembedahan Jantung di hospital di negara kita ditubuhkan.

12. Selain daripada itu, BAKTI telah dapat membiayai enam Satellite Dialysis Unit di hospital-hospital besar untuk rawatan pesakit-pesakit buah pinggang dan juga membiayai Pace-makers dan alat pemasangnya di kesemua hospital besar di negara kita ini. Malahan unit-unit Kardiologi di Hospital Besar dan Hospital Universiti Kuala Lumpur juga telah dibantu.

13. Dalam bidang pelajaran pula, Tabung Pelajaran ditubuhkan pada tahun ini untuk membiayai penuntut-penuntut sekolah rendah dan menengah yang miskin khususnya di luar bandar supaya mereka tidak akan tercicir kerana kekurangan wang atau biaya.

14. Jawatankuasa Tabung Malapetaka sentiasa mengambil perhatian terhadap kejadian malapetaka di negara kita dan memberi bantuan apabila perlu kepada mangsa-mangsa melalui Jawatankuasa tersebut di tempat-tempat di mana kejadian itu berlaku.

15. BAKTI menggalakkan ahli-ahlinya berkecimpung dalam badan-badan wanita dan badan-badan sukarela yang lain baik di Wilayah Persekutuan atau di negeri asal mereka masing-masing. Wujudnya

Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) di setiap Kementerian telah secara langsung melibatkan ahli-ahli BAKTI yang menjadi isteri Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri atau Setiausaha-Setiausaha Parlimen dalam sesuatu Kementerian itu. Ada juga ahli-ahli BAKTI yang memegang jawatan dalam NCWO, WAO, Speakers Club, Persatuan-Persatuan Sukan seperti Golf, Bolajaring, Badminton dan lain-lain lagi.

Ampuan Tuanku, 16. Sebelum mengakhiri sembah rengkasan patik mengenai BAKTI ini, patik sekalian menjunjung kasih sekali lagi atas keberangkatan Kebawah Duli Tuanku Permaisuri mencemar Duli ke Majlis ini yang bukan sahaja memberi kebanggaan dan kebahagiaan kepada patik sekalian, bahkan juga memberi banyak perangsang untuk terus berkhidmat bakti kepada rakyat dan negara amnya. Patik sekalian memohon harapan agar Kebawah Duli Tuanku Permaisuri berkenan memberi panduan dan teguran yang perlu kepada patik sekalian supaya patik semua akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai isteri pemimpin-pemimpin negara dengan lebih baik dan berkesan.

17. Persembahan Kebudayaan yang akan Kebawah Duli Tuanku Permaisuri saksikan sebentar lagi adalah semata-mata daripada usaha gigih ahli-ahli BAKTI. Akhirnya patik memohon berbanyak-banyak ampun dan maaf sekiranya terdapat apa-apa juga yang tidak menyenangkan kepada Kebawah Duli Tuanku Permaisuri di Majlis ini.

Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, sembah patik harap diampun.